

Journal of Islamic Educational Research (JIER)
e-ISSN: 0128-2069

PENGAMALAN ITTIBA' AL-SUNNAH (FOLLOWING THE SUNNAH) DI PONDOK PESANTREN AL-FATAH TEMBORO MAGETAN JAWA TIMUR INDONESIA

PRACTICE OF ITTIBA' AL-SUNNAH (FOLLOWING THE SUNNAH) AT AL-FATAH ISLAMIC BOARDING SCHOOL TEMBORO MAGETAN EAST JAVA INDONESIA

Syahrizal * & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim **

Article Information	ABSTRACT
<i>Received:</i> 01.11.2023	Ungkapan cinta kepada Allah SWT tidak cukup dengan huraian kata-kata. Cinta perlu di buktikan dengan ketaatan kepadaNya melalui jalan kekasihNya Muhammad SAW. Oleh kerana itu, pengamalan terhadap as-sunnah menjadi penting dalam usaha menunjukkan seberapa besar kadar cinta seorang hamba kepada tuhannya. Dalam mencapai hal ini, tentu perkara yang didahulukan adalah mempelajari konsep Ittiba' As-Sunnah dan penerapannya. Berdasarkan kajian lepas, terdapat salah satu lembaga pendidikan Islam di Indonesia iaitu pesantren Al-Fatah yang sangat terkenal dengan pembelajaran dan pengamalan sunnahnya. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti bagaimana pengamalan konsep Ittiba' As-Sunnah (Following the Sunnah) di Pondok Pesantren Al-Fatah Temboro Jawa Timur. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual secara mendalam bersama 3 orang informan. Data temu bual dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian Nvivo versi 4 bagi menghasilkan dapatan kajian. Analisis temu bual mendapati kesemua informan berjaya menjelaskan bagaimana konsep dan pengamalan ittiba as-sunnah di pesantren Al-Fatah. Di samping itu, hasil kajian juga mendapati bahawa pesantren Al-Fatah memiliki pendekatan yang komprehensif dalam mengamalkan konsep Ittiba' As-Sunnah diantaranya iaitu melalui kurikulum hadis, strategi dakwah, peranan kiai, ustaz-ustazah dan suasana pesantren. Impak kajian ini diharapkan dapat menjadi pedoman bagi pesantren dan institusi pendidikan Islam lainnya dalam mengembangkan strategi dan program pendidikan yang lebih efektif untuk meningkatkan pengamalan ittiba as-sunnah di kalangan santri serta menambah pemahaman tentang peranan kiai dan ustaz-ustazah dalam memberi teladan dan nasihat bagi santri.
<i>Accepted:</i> 28.12.2023	

Kata Kunci: Ittiba' As-Sunnah, Pengamalan Sunnah dan Pesantren.

The expression of love for Allah SWT transcends mere verbal articulation. True love necessitates demonstration through obedience to Him, following the path of His beloved, Prophet Muhammad SAW. Consequently, adherence to the Sunnah becomes pivotal in manifesting the extent of a servant's devotion to their Lord. To achieve this, a fundamental prerequisite is the study and application of the concept of Ittiba' As-Sunnah. Drawing on past research, this study focuses on Al-Fatah Islamic Boarding School in Indonesia, renowned for its emphasis on Sunnah-based education and practice. This qualitative research employs in-depth interviews with three key informants to explore the implementation of the concept of Ittiba' As-Sunnah at Al-Fatah Islamic Boarding School in Temboro, East Java. Thematic analysis using NVivo version 4 is employed to derive findings from the interview data. The analysis reveals that all informants successfully elucidate the conceptual framework and practical application of Ittiba' As-Sunnah within the context of Al-Fatah Islamic Boarding School. Furthermore, the study identifies that Al-Fatah Islamic Boarding School adopts a comprehensive approach to instill the concept of Ittiba' As-Sunnah. This approach is manifested through the inclusion of Sunnah-based teachings in the hadith curriculum, strategic propagation efforts, the influential roles of kiai (spiritual leaders), and the overall atmosphere cultivated within the boarding school. The implications of this research are anticipated to serve as a guide for Islamic boarding schools and educational institutions, aiding in the development of more effective strategies and educational programs. These initiatives aim to enhance the practical application of Ittiba' As-Sunnah among students, while deepening the understanding of the pivotal roles played by kiai and educators in setting examples and providing guidance for the students.

Keywords: Following the Sunnah, Practice the Sunnah and Islamic Boarding School.

Citation Information: Syahrizal, & Tengku Kasim, T. S. A. (2023). Pengamalan ittiba' al-sunnah (following the sunnah) di pondok pesantren al-fatah temboro magetan Jawa Timur Indonesia. *Journal of Islamic Educational Research*, 9, 38-47.

* PhD Candidate, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: syahrizal@perdana.um.edu.my

** Senior Lecturer at Islamic Education Programme, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: tgsarina@um.edu.my.

PENGENALAN

Al-Quran dan Sunnah merupakan pilar utama dalam Islam dan Nabi Muhammad SAW telah menjanjikan keselamatan bagi mereka yang teguh berpegang pada ajaran Al-Quran dan Sunnah. Dalam sebuah hadisnya, Rasulullah SAW dengan tegas mewasiatkan hal ini dengan ucapan "عَصُّوْا عَلَيْهَا بِالْتَّوْجِدِ" yang bermaksud "Gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham" (HR. Ibn Majah No.42). Hadis ini menjadi peringatan yang amat penting bagi umat Islam, menekankan kewajipan umat Islam untuk meyakini dan berpegang teguh kepada Al-Quran dan Sunnah guna mendapatkan petunjuk dan keredaan dari Allah serta RasulNya.

Dalam konteks pendidikan santri di pesantren Al-Fatah Temboro Jawa Timur Indonesia, pesantren ini sangat terkenal dengan upayanya dalam mengamalkan as-Sunnah. Bahkan pesantren ini mendapat julukan "*kampung madinah*" diantara salah satu alasannya adalah wujudnya komuniti yang mengamalkan sunnah-sunnah harian Nabi SAW (Awabien, 2020). Selain itu, pesantren Al-Fatah juga terkenal dengan program menghafal hadis, bahkan tercatat ada sekitar puluhan santri yang mampu menghafal hadis daripada 3000 – 10.000 hadis (Khamim, 2018). Daripada kenyataan ini, menunjukkan bahawa pesantren ini adalah satu lembaga pendidikan Islam yang mempunyai keupayaan besar dalam menanamkan nilai-nilai sunnah dan kecintaan kepada sunnah Rasulullah dalam diri peserta didiknya. Oleh itu, jika dikaitkan dengan maksud hadis diatas, maka perlulah juga dipertanyakan bagaimana cara dan metode pengamalan dalam mengikuti sunnah (*ittiba' as-sunah*) yang diamalkan oleh pesantren Al-Fatah.

Dalam kaitannya dengan tujuan penelitian ini, secara umum bertujuan untuk mengetahui bagaimana pengamalan *Ittiba'* As-Sunnah di Pesantren Al-Fatah Temboro dan peranannya dalam mencetak santri yang berakhlik mulia dan taat pada ajaran agama serta memberikan manfaat kepada umat Islam disekitarnya.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut bahasa *Ittiba'* berasal dari Bahasa Arab iaitu berasal daripada kata تَبَعَ - وَاتَّبَاعًا - وَتَبَاعَةً yang bererti: "Diikuti". Kata *Ittiba'* (اتبع) berasal daripada masdar yang bererti mengikuti. Ada beberapa kalimat yang semakna dengannya diantaranya *iqtifa'* (menelusuri jejak), *qudwah* (قُدوة) (suri teladan) dan *uswah* (اسوة) (panutan). Sedangkan daripada sudut istilah pula, definisi *ittiba'* pada asalnya hanya bermakna mengikuti, tidak bermaksud untuk mengikuti sembarang orang. Namun dalam perkembangannya kata ini mengalami perubahan makna dan pengertian dan hampir majoriti para ulama memadankan kata "*ittiba'*" dengan perkataan "*ar-Rasul*". Dengan demikian definisi *ittiba'* mengandungi maksud mengikuti Rasulullah SAW seperti yang diutarakan oleh Ibnu Katsir (2000) *ittiba'* iaitu mengikuti syari'at dan agamanya (Al-Sunnah) dalam setiap perkataan dan amal perbuatannya, serta dalam berbagai keadaan yang dialaminya. Selain itu juga ada definisi daripada Thāhā Jābir al-'Alwānī menurutnya *ittiba'* adalah mendefinisikan dan mengimplementasikan perintah Allah dan Rasul-Nya, serta meneroka berbagai perbuatan, keadaannya untuk kemudian dinyatakan dengan mengikuti jejak langkahnya (*iqtidā'*) (Sayyid, 2002). Tidak lupa juga penulis mengutip pandangan Abū Bakar Jābir Al-Jazā'īrī (2000) menurutnya *ittiba'* memberi maksud agar keyakinan, ucapan dan perbuatan seseorang selari dengan keyakinan dan amal perbuatannya Rasulullah, tidak berbeza sedikit pun dengannya, baik kerana berlaku lancang mahupun memandang rendah, atau dengan menambah-nambah dan menguranginya. Definisi ini senada dengan pandangan Faishal ibn 'Ali Al-Ba'dānī (2001) bahawa *ittiba'* ialah Mengikuti langkah (*iqtidā'*) dan meneladani (*ta'assī*) Nabi dalam akidah, ucapan, perbuatan mahupun dalam berbagai hal yang beliau tinggalkan dengan mengamalkan hal apa saja yang dikerjakannya, baik yang berstatus hukum wajib, sunnah, mubah, makruh ataupun haram, disertai niat dan keinginan kuat (*irādah*) dalam *ittiba'* tersebut.

Manakala lafaz as-sunnah, jika ditinjau daripada bahasa bererti '*adab* atau jalan, kelakuan, tabiat, keadaan masa hidup, rupa, ketetapan dan kebiasaan (Manzur, 1997). Lafaz as-sunnah juga banyak ditemukan dalam hadis Nabi seperti hadis Jabir ra dan hadis Abu Sa'id al-Khudri. Oleh itu, makna sunnah lebih banyak ditinjau daripada sudut *syara'*, seperti misalnya Muhammad ibn Ali al Syaukani (1414 H) mendefinisikan As-sunnah iaitu perkataan, perbuatan dan ketetapan atau izin nabi Muhammad SAW. Sedangkan menurut Imam Syafi'i, as-Sunnah iaitu segala sesuatu yang ditetapkan oleh Rasul serta tiada mempunyai sebarang ketentuan dalam al-Quran, di mana dalam konteks ini al-Hikmat adalah bererti al-Sunnah, ia adalah berlainan dengan al-Kitab (Shāfi'i, 1986). Selain itu perkataan "*As-Sunnah*" dapat juga di tinjau daripada sudut ilmu hadis iaitu apa yang dikesan dari Nabi sama ada daripada perkataan, perbuatan, persetujuan atau sifat kejadian baginda atau akhlak baginda ataupun yang berkaitan sejarah beliau, sama ada sebelum dibangkitkan sebagai Rasul ataupun selepas kebangkitan (Al-Qasimi, 2005).

Daripada beberapa pandangan ulama di atas, terdapat satu kesimpulan yang boleh difahami seperti yang dikemukakan oleh Rahendra Maya (2017) bahawa ada beberapa komponen yang harus wujud dalam proses *ittiba'* sunnah iaitu *pertama*, berupaya optima untuk meniru, mengikuti dan meneladani; *Kedua*, harus ada pihak autoritatif "yang diikuti" (*matbū'*), secara mutlak adalah Rasulullah; *Ketiga*, hal yang diikuti meliputi akidah, ucapan, perbuatan mahupun dalam hal-hal lain yang ditinggalkannya; *keempat* berlandaskan kepada hujjah atau dalil *qath'i* iaitu al-Quran dan al-Sunnah atau hadis-hadis yang sahih; dan *kelima*, disertai niat, kehendak dan keinginan kuat, bukan berdasarkan keterpaksaan atau kebencian hati dalam berittiba' walaupun tetap mengamalkannya.

Dalam hal ini Faishal ibn 'Alī al-Ba'dānī (2001) menjelaskan bahawa ada beberapa domain proses ittiba sunnah iaitu *pertama* meliputi keyakinan (*i'tiqadat*) berkeyakinan seperti yang telah diyakini oleh Rasulullah. *kedua*, ucapan perkataan (*aqwal*) menyedari kandungan hadis atau kata-katanya, bukan sekadar menghafal editorial atau mengulanginya lafaznya sahaja. *Ketiga*, amal perbuatan (*af'al*) mengerjakan perbuatan tersebut seperti contoh yang telah dikerjakannya, disertai keyakinan bahawa amal perbuatan tersebut adalah perbuatan yang telah dikerjakannya. *Keempat*, tindakan meninggalkan (*tark*) meninggalkan berbagai hal yang ditinggalkan oleh Rasulullah seperti yang telah dicontohnya disertai keyakinan bahawa amal perbuatan tersebut adalah amal yang ditinggalkan oleh Rasulullah. Berdasarkan beberapa penjelasan ini, dapatlah penulis menyimpulkan bahawa ittiba' as-sunnah iaitu mengikuti langkah (*igtida'*) dan meneladani (*ta'assi*) segala perkataan, perbuatan, persetujuan atau ketetapan (*izin*) Nabi disertai dengan niat dan keinginan kuat (*iradah*) dalam ittiba' tersebut.

Dalam Islam, Ittiba As-Sunnah memiliki kedudukan yang sangat tinggi bahkan ia merupakan salah satu syarat diterimanya amal soleh oleh Allah SWT. Tidak hanya itu, setidaknya ada tujuh kedudukannya dalam Islam seperti yang di kemukakan oleh Faishal ibn 'Alī al-Ba'dānī (2001) iaitu sebagai syarat diterimanya amal ibadah, salah satu prinsip dalam Islam, bukti cinta kepada Nabi, sebab masuk syurga, jalan pelaksanaan perintah Rasulullah dan menjauhi ancamannya, tanda-tanda ketakwaan dan sifat seorang mukmin yang absolute. Selain itu terdapat juga beberapa tujuan daripada Ittiba' kepada Rasulullah SAW seperti yang dikemukakan oleh beberapa cendekiawan Islam seperti Al-Imam Al-Ghazali (1980) dalam kitabnya "Ihya' Uhum al-Din" menegaskan bahawa ittiba' kepada Rasulullah SAW adalah satu-satunya jalan untuk mencapai kebahagiaan sejati. Beliau juga menjelaskan bahawa manusia hanya dapat mencapai kebahagiaan hakiki dengan mengikuti ajaran dan tuntunan yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW. Tidak hanya itu, Ibn Taimiya (1982) dalam kitabnya "al-Istiqaamah" juga menyebutkan bahawa ittiba' as-sunnah dapat membawa seseorang ke arah kehidupan yang diberkati dan sejahtera, Bahkan menurut Al-Imam Qurtubī (1950) ianya menjadi kunci untuk mencapai hidayah dan petunjuk dari Allah.

Berdasarkan kedudukan dan tujuan Ittiba' As-Sunnah diatas, jika diselaraskan kepada konteks pendidikan. Maka nilai-nilai yang terkandung dalam Ittiba As-Sunnah harusnya juga menjadi matlamat utama pendidikan terutama bagi lembaga pendidikan Islam seperti pondok pesantren. Terkait dengan hal ini, berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh Khamim (2018) dan Awabien (2020) mereka mendapati bahawa Pondok Pesantren Al-Fatah Temboro diantara pesantren yang memfokuskan pelajarnya pada pendidikan sunnah. Justeru itu, kajian ini dipilih dan dijalankan di pesantren Al-Fatah bagi melihat bagaimana pengenalan dan pengamalan Ittiba' As-Sunnah di jalankan dalam sistem pendidikan yang mereka terapkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Pengkaji memilih reka bentuk penyelidikan kualitatif untuk meneroka pengamalan *Ittiba As-Sunnah* di Pondok Pesantren Al-Fatah Temboro. Selain itu, kaedah analisis dokumen juga dilakukan untuk menganalisis kajian-kajian lepas berkaitan dengan kajian literatur baik yang bersumber daripada jurnal-jurnal mahupun prosiding yang telah diterbitkan.

Manakala bagi kutipan data lapangan, peserta kajian dipilih secara pensampelan bertujuan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Bagi tujuan artikel ini, pengkaji hanya memilih tiga orang informan yang terdiri daripada pimpinan pondok pesantren, guru dan santri. Kajian ini ingin melihat sejauh mana pengamalan konsep ittiba as-sunnah dan strategi pelaksanaannya. Ketiga-tiga informan dalam kajian ini dikodkan sebagai IFMAN 1, IFMAN 2 dan IFMAN3. Adapun lokasi kajian yang dipilih ialah di Pondok Pesantren Al-Fatah Temboro, Magetan Jawa Timur Indonesia.

Sebagai kaedah pengumpulan data, temu bual secara mendalam telah dilakukan bersama ketiga-tiga informan. Satu protokol temu bual secara semi-struktur telah dirangka bagi mendapatkan maklumat daripada informan kajian. Protokol soalan temu bual telah pun disahkan oleh panel penilai sebelum penyelidik menjalankan kajian. Temu bual dijalankan dan direkodkan melalui alat perakam suara dan mengambil masa sekitar 45 hingga 60 minit bagi setiap seorang informan bagi memastikan data yang diperoleh mencukupi. Data daripada temu bual kemudiannya telah ditranskripsikan untuk tujuan analisis data. Transkrip telah dibaca berulang kali dan difahami bagi memastikan pengkaji memahami data yang telah dikutip. Setiap kali transkrip dibaca, pengkaji akan mencatat kod yang bersesuaian, atau persoalan yang timbul untuk dikemukakan dalam sesi temu bual seterusnya. Selepas itu, semua data dikodkan dan dianalisis secara tematik menggunakan perisian Nvivo versi 14 untuk melihat persamaan, perbezaan dan pengulangan idea. Kaedah analisis tematik merupakan salah satu bentuk analisis dalam kajian kualitatif yang bertujuan untuk menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan data. Menurut Taylor et al. (2015) analisis tematik boleh memberi gambaran berkaitan data yang diperolehi secara terperinci melalui pentafsiran yang dilakukan oleh penyelidik sendiri. Justeru, kaedah ini akan membantu memudahkan pengkaji dalam membincangkan hasil analisis data berkenaan strategi yang diamalkan dalam penerapan konsep *Ittiba As-Sunnah* (mengikuti sunnah) di pesantren Al-Fatah Temboro.

DAPATAN KAJIAN

Ittiba' As-Sunnah bukanlah perkara baharu yang baru dikenal oleh Pesantren Al-Fatah Temboro. Ianya sebatی dalam diri pimpinan dan guru-guru di pesantren Al-Fatah melalui kepercayaan dan keimanan mereka kepada Allah dan RasulNya.

Sebagai wujud daripada Ittiba' As-Sunnah di pondok pesantren Al-Fatah, ada berbagai-berbagai program pendidikan yang diajarkan kepada para santrinya. Dalam kesempatan temu bual penulis bersama pihak pimpinan pesantren, penulis dapat memahami bagaimana konsep Ittiba' As-Sunnah difahami dan diamalkan dalam pendidikan di pesantren yang dipimpinnya. Seperti dalam pernyataanya;

“..Taat kepada Allah itu apa? ringkasnya itu ya ikut Rasulullah.. taat sama Allah” (IFMAN1)

Berdasarkan pernyataan Kiai diatas, menunjukkan bahawa mengikuti Rasulullah merupakan bukti ketakutan kepada Allah. Pernyataan beliau juga selari dengan firman Allah SWT ayat 31 surah Ali-Imran berikut "Katakanlah: Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku (Muhammad), niscaya Allah mengasihinya dan mengampuni dosa-dosamu.". Ayat ini menjadi penguatan atas hujah beliau tentang pentingnya mengikuti Rasulullah SAW (Ittiba' As-Sunnah). Oleh itu, dalam penerokaan selanjutnya. Penulis juga telah menemui bual informan kedua mengenai pengamalan Ittiba As-Sunnah di Pesantrennya.

Dalam pernyataan informan kedua, terdapat beberapa petikan yang menjadi sorotan penulis berhubung dengan pengamalan sunnah di pesantren Al-Fatah, seperti berikut:

“Memang di Al-Fatah sendiri ya ada pembelajaran hadis dari kelas 1-8 nanti memang di situ membahas hadis-hadis mengenai libas (pakaian), mengenai sunah-sunah pakaian Nabi baik sunnah fi'llyah, qauliyah mahupun takririyyah, dari situlah mereka banyak mengenal sunnah. Untuk kelas bawah pembelajaran tentang sunnah itu dijabarkan dalam pembelajaran ilmu fikih, ilmu akhlak. Dan jika sudah masuk kelas 7-8 mereka langsung fokus kepada kitab-kitab hadis induk untuk mendapatkan pelajaran tentang Sunnah lebih mendalam, seperti kitab Kutubu Sitta itu seperti sahib Bukhari, Sahib Muslim, Sunan An-Nasa'i, Sunan Abu Daud, Jami' At-Tirmidzi dan Sunan Ibnu Majah” (IFMAN2)

“..suasana yang sudah sunnah pondok ini. Saya lihat Secara praktek memang dengan barokahnya usaha dawah itu..” (IFMAN2)

“..kami rasakan di Al-Fatah kok semangat senang dengan sunnah itu, karena memang berawal dari suasana. Awalnya santri-santri digalakan sehingga nanti terbentuklah suasana. Berawal dari suasana. Memang ada beberapa orang yang mungkin sebelum-sebelumnya memang hanya beberapa komunitas sib sebenarnya yang membuat suasana terus lama-lama menyebar-menyebar jadi semuanya mengamalkan sunnah mulai dari cara tidur, berpakaian, makanan dan sunnah yang lainnya. Selain itu keadaan santri disini juga dipengaruhi oleh kegiatan usaha dakwah (jama'ah tabligh) yang membuat suasana beramal dengan sunnah, jadi dengan suasana itu, santri melihat, ketika melihat lalu tergerak hati mereka untuk mengamalkan sunnah-sunnah. Jadi dengan suasana pengamalan sunnah yang dicontohkan dari Kyai dan para ustaz dan ustazah. Jadi, akhirnya merembet ke santri-santri dan santri mulai cinta dengan sunnah, mudah mengamalkannya..” (IFMAN2)

Daripada pernyataan informan di atas, beberapa perkataan menggambarkan kepada penulis mengenai pengamalan sunnah yang diamalkan di pesantren Al-Fatah iaitu perkataan “pembelajaran hadis dari kelas 1-8”, “usaha dakwah”, “dicontohkan dari Kyai dan para ustaz dan ustazah”. Dari beberapa perkataan beliau tersebut dapat penulis interpretasikan bahawa pesantren Al-Fatah memiliki pendekatan yang komprehensif dalam memperkenalkan as-sunah dan membentuk santri yang mencintai dan mengamalkan sunnah Rasulullah SAW, diantaranya melalui *Kurikulum Hadis, Strategi Dakwah, Peranan Kiai dan Guru serta suasana pesantren*.

Kurikulum Hadis

Kurikulum hadis ini diantara cara pesantren Al-Fatah memperkenalkan As-Sunnah kepada para santri. Dalam aspek pelaksanaan kurikulum hadis ini, sistem yang diterapkan Kiai di pesantrennya adalah kebanyakan di pelajari dengan menggunakan metode “*Al-Qiraat 'ala Al-Syaikh*” iaitu membaca di depan guru. Para santri diharuskan membaca setiap pagi dan petang sebanyak 14 hadis di hadapan gurunya dan kadang-kadang ditengah pembacaan hadis tersebut disertai dengan menjelaskan isi hadis berdasar pemahaman ulama sebagaimana tertulis dalam kitab-kitab syarah hadis yang dipelajari baik dilakukan oleh gurunya mahupun santri secara langsung. Namun khusus kitab al-Muwatta imam malik, guru langsung membacakan kepada para santri, yang kemudian dilanjutkan dengan sesi tanya jawab dan diakhiri dengan pemantapan pemahaman maksud hadis (Khamim, 2018).

Berikut rujukan kitab-kitab hadis yang dipelajari oleh santri dalam upaya Kiai memperkenal As-Sunnah dalam kalangan santri-santrinya. Seluruh kitab hadis ini dipelajari oleh santri Al-Fatah secara berperingkat:

1. Kelas 1 diajarkan kitab *Hadis Mi'ah (100 Hadis Syarif)* karya Shaykh Taha Mahsun.
2. Kelas 2 diajarkan kitab *Matn al-Arba'in al-Nawawiyyah fi al-Abadith al-Sahihah al-Nabawiyyah* karya Al-Imam Yahya Ibn Sharaf al-Din al-Nawawi.

3. Kelas 3 diajarkan kitab *Fath al-Qarib al-Mujib 'Ala Tahdhib al-Targhib wa al-Tarhib* karya Al-'Allamat al-Muhaqqiq al-Muhaddith al-Imam al-Sayyid 'Alwi ibn al-Sayyid 'Abbas al-Maliki al-Hasani.
4. Kelas 4 diajarkan kitab *Al-Abwab al-Muntakhabah min Mishkat al-Masabih* karya Muhammad Ibn 'Abd Allah Khatib al-Tabrizi dan kitab *al-Qawa'id al-Asasiyyah fi Ilm Mustalah al-Hadith* karya al-Sayyid 'Alwi ibn al-Sayyid 'Abbas al-Maliki al-Hasani.
5. Kelas 5 dan kelas 6 diajarkan kitab *Al-Abwab al-Muntakhabah min Mishkat al-Masabih* (sepertiga kitab yang kedua dan ketiga) karya Muhammad Ibn 'Abd Allah Khatib al-Tibrizi dan kitab *Al-Minhal al-Latif fi Usul al-Hadith al-Sharif* karya al-Sayyid 'Alwi ibn al-Sayyid 'Abbas al-Maliki al-Hasani.
6. Kelas 7 (*dawrat 1*) diajarkan kitab *Sahih Muslim, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i*
7. Kelas 8 (*dawrat 2*) diajarkan kitab *Sahih Bukhari, Sunan Abi Dawud* dan sorogan kitab *Sahih al-Bukhari* selama dua tahun dan hafazan hadis dari salah satu kitab *Mukhtasar Sahih al-Bukhari : al-Tajrid al-Sarih li Abadith al-Jami'* *al-Sahih* karya Al-Imam Zayn al-Din Ahmad ibn 'Abd al-Latif al-Zabidi, atau kitab *Bulugh al-Maram* karya Ibn Hajar al-'Asqalani atau kitab *Riyad al-Salihin* karya Imam Nawawi.

Berdasarkan kitab-kitab hadis yang dipelajari secara berperingkat di atas, penulis dapat menganalisis bahawa proses pengenalan As-Sunnah dengan cara tersebut adalah agar santri dapat memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang terkandung dalam hadis sedikit demi sedikit. Misalnya pada tingkat dasar seperti kelas 1-3 para santri diperkenalkan sunnah-sunnah Rasulullah, seperti cara ibadah, akhlak-akhlak mulia dan muamalat. Selain itu pembelajaran hadis juga bertujuan untuk mengenal hadis dan memahami pengertian hadis. Pada peringkat selanjutnya seperti kelas 4,5 dan 6, para santri mula belajar untuk memahami kriteria kesahihan hadis dan menguasai metode penelitian hadis. Pada tingkat akhir seperti kelas 7 dan 8, tujuan pembelajaran hadis adalah untuk memahami dan menguasai kitab-kitab hadis yang menjadi rujukan utama seperti *al-Kutub as-Sittah*.

Strategi Dakwah (Jama'ah Tabligh)

Strategi dakwah atau juga disebut “*jamaah tabligh*” juga diakui oleh ustaz Ali sebagai media pelatihan dalam pengamalan terhadap sunnah-sunnah Rasulullah SAW sebagaimana pengakuan beliau dalam petikan temu bual diatas bahawa kegiatan usaha dakwah (*jamaah tabligh*) yang diatur oleh pesantren Al-Fatah membentuk suasana beramal dengan sunnah dalam kalangan santri kerana melalui kegiatan dakwah ini santri mendapatkan melihat contoh nyata pengamalan melalui para pendakwah dan anggota *jamaah tabligh*, maka terjadilah gerakan spontan di hati mereka untuk mengamalkan sunnah-sunnah Rasulullah dalam kehidupan sehari-hari.

Dalam pelaksanaan dakwah ini Infoman kedua juga menyatakan skema pelaksanaan dakwah jama'ah tabligh seperti pernyataannya berikut:

“Kegiatan *jamaah tabligh* ini secara sistematis sebenarnya tidak divajibkan kepada santri-santri,,, namun kita tetap memberikan semangat untuk mereka latihan. Jadi dalam sepekan kita buat kumpul dengan mereka. Memberikan semangat untuk mereka. “Siapa yang siap di antara kalian untuk membentuk rombongan yang akan kita berangkatkan menuju masjid-masjid, menuju rumah-rumah masyarakat?” Setiap minggu Itu akan diumumkan di masjid. Dalam sepekan rata-rata kita mengirim 20 rombongan. 20 rombongan.., satu rombongan berapa orang? 10 orang. Jadi kurang lebih 200 santri kita kirim untuk Menjelajahi masyarakat sini. Tempat-tempat tujuan santri tersebut sudah terlebih dahulu di koordinasi oleh pihak pondok dan menyampaikan ke masyarakat-masyarakat yang akan kita datangi bahwa ada rombongan dari santri ingin latihan memperkenalkan ilmu-ilmu mereka” (IFMAN2)

Berdasarkan pernyataan beliau bahawa kegiatan dakwah ini dilaksanakan secara profesional. Penulis juga melakukan pengamatan terhadap pelaksanaan akwah ini, didapati terdapat beberapa langkah yang dilaksanakan dalam kegiatan dakwah yang dilakukan para santri Al-Fatah tersebut iaitu mulai dari kegiatan perizinan, i'tikaf di masjid, silaturahim atau jaulah, sehingga menyampaikan kandungan dasar dakwah. Beberapa langkah secara jelas dapat penulis jelaskan sebagai berikut:

1. Keizinan

Pertama kali yang dilakukan oleh santri ketika mahu *khuruj* (keluar) berdakwah adalah meminta izin kepada ketua desa untuk iktikaf di masjid yang ada di desanya. Setelah mendapat izin, para santri akan menempati masjid tersebut dan melaksanakan program harian. Seperti yang disampaikan oleh ustaz Ali bahawa amalan atau program yang dilakukan di masjid ialah *tarbiyah* dan *tazkiyah*.

2. Iktikaf di Masjid

Tujuan *Iktikaf* di masjid adalah seperti yang disampaikan oleh informan 2 iaitu tarbiyah dan tazkiyah dan juga menentukan selain itu ia juga bertujuan untuk menghidupkan atau memakmurkan masjid. Seperti yang di nyatakan IFMAN 2:

'Dakwah para santri Al-Fatah adalah dengan berbasis di masjid bergerak ke setiap umat setiap manusia, peran yang nampak pada saat itu adalah awal yang menerima dakwah ini adalah pondok. Akhirnya dari pondok dibentuklah jamaah ke masjid-masjid masyarakat akhirnya dengan ajakan kasih sayang, sabar dengan hikmah, dengan lemah lembut dengan pengorbanan apa saja harta diri waktu serta perasaan merayu umat mengajak umat untuk ke masjid memakmurkan masjid.. (IFMAN2)

Dalam menghidupkan masjid para santri menjalankan beberapa program seperti amalan *ijtima'i* dan amalan *infirodi*. Ada lapan jenis amalan *ijtima'i* dan lima amalan *infirodi*. Lapan amalan *ijtima'i* iaitu musyawarah, taklim, jaulah, bayan, khidmat, makan, tidur dan safar. Sedangkan lima amalan *infirodi* iaitu tilawah Al-Quran, *takbiratul ula* (solat *maktubah*) dan solat *nawafil*, zikir pagi petang, berdoa meminta hidayah dan taat pada Amir (pemimpin).

3. Silaturahim (Jaulah)

Silaturahim atau juga disebut dengan *jaulah*. Pada tahap ini para santri dalam berinteraksi dengan sasaran dakwahnya atau *mad'u*. Kegiatan ini yang membezakan antara dakwah pondok pesantren Al-Fatah dan dakwah pada umumnya iaitu dakwah para santri Al-Fatah langsung melakukan dakwah secara *door to door*, mengunjungi rumah satu ke rumah yang lain dengan berjalan kaki dan berjamaah dengan tujuan menyampaikan pesan dakwah dan mengajak masyarakat untuk sama-sama mengamalkan agama. Akan tetapi komunikasi dakwah yang dilakukan para santri ketika mengajak dan menyampaikan pesan dakwah iaitu ikram kepada tuan rumah yang dikunjungi. Kemudian ta'aruf atau memperkenalkan diri juga menyampaikan maksud dan tujuan untuk mengunjungi rumah warga tersebut. Dimulakan dengan memperkenalkan nama mereka, menyampaikan bahawa kedatangan mereka memiliki tujuan iaitu tak lain semata-mata karena Allah. Dalam hal ini penulis berkesempatan merekam salah satu yang diucapkan oleh salah satu pengenalan yang diucapkan oleh satu santri rombongan dakwah.

Nama saya Sabar, nama Bapak siapa? Alhamdulillah Bapak, kami tinggal di masjid Bapak, insyaAllah hanya beberapa hari di sini. Alhamdulillah hari ini, waktu ini, bisa silaturahmi dengan Bapak, dengan keadaan baik. Kami datang kesini semata-mata hanya Allah semata. Gak karna yang lain. Kita ini sama-sama orang Islam orang yang sama-sama pernah berucap kalimat Laa ilaha illallah Muhammad Rasulullah. Nyatanya kita ini saudara pak, saudara di dunia saudara di akhirat. Kalo sudah saudara, kalo janah saling mendoakan kalo dekat kita ini saling kasih sayang silaturahmi bahkan Allah swt. Perintahkan, Allah dan Nabi seneng kalo kita ini saling mengingatkan. Maka mari kita saling mengingatkan. Bapak dunia ini sementara, akhirat ini selamalamanya. Dunia ini darul asbab tempatnya usaha, akhirat nanti tempatnya memetik hasilnya. Maka bagaimana kita di dunia bagi waktu kita pak, mungkin waktu berkumpul dengan keluarga maka berkumpullah dengan keluarga, waktu bekerja, gunakanlah untuk bekerja, tapi ketika ada suara Allahu Akbar Allahu Akbar Asyhadu alla ilaha illallah Asyhadu anna muhammadar rasulullah hayya alassolah bagaimana kita bagikan waktu kita untuk ke masjid. Bagaimana waktu kita semua dapat ditunaikan. Misal kumpul dengan keluarga, silahkan kumpul dengan keluarga, ketika sudah waktunya bekerja silahkan bekerja, akan tetapi apabila sudah tiba waktu shalat, panggilan adzan berkumandang, panggilan Tuhan kita, Pencipta kita, Pemberi Rezeki kita, Pemelihara kita, kita datangi panggilan Allah, memakmurkan rumah Allah. Sekarang ini Pak, sudah mau shalat, saya seneng sekali kalo Bapak sama-sama ke masjid, sama-sama ke masjid kami tunggu. (IFMAN2)

Setelah memperkenalkan diri serta mengajak masyarakat ke masjid, maka santri menunggu tuan rumah tersebut untuk bersama-sama ke masjid. Akan tetapi, apabila tuan rumah tidak bersedia ditunggu, maka santri yang mengajak minta izin untuk pulang dan mengatakan akan menunggunya di masjid. Jadi, ketika dalam mengajak *mad'u* ke arah kebaikan, *da'i* mendahulukan menjalin hubungan yang baik, apabila sudah ada hubungan yang baik *mad'u* akan merasa diperhatikan, diambil berat dan dibimbing untuk melakukan ibadah. Ketiga, menceritakan tentang keutamaan akhirat, menceritakan kelebihan syurga, setelah para santri mulai mengajak orang tersebut untuk beramal.

4. Menyampaikan Kandungan dakwah

Setelah melakukan *jaulah* atau bersilaturahim ke rumah-rumah masyarakat, para santri akan kembali ke masjid untuk melaksanakan solat berjemaah bersama jemaah lainnya termasuklah *mad'u* yang mereka jumpai ketika jaulah. Seperti pada kebiasaan, jemaah yang dijumpai saat jaulah, ada yang datang dan ada juga yang tidak. Seusai solat berjemaah, salah satu santri akan ditunjuk untuk menyampaikan pesan dakwah kepada jemaah yang datang baik berupa ceramah mahupun nasihat-nasihat tentang fadilah-fadilah mengamalkan agama. Diantara kandungan yang selalu mereka sampaikan mengikuti kaedah jama'ah tabligh seperti yang dikemukakan oleh Khalim et al., (2023) iaitu: ketauhidan, solat *khusyu' wa al-khudu'*, *ilmu ma'a zikir*, *ikram al-Muslimin* (memuliakan orang muslim), *tashihun niat* (mengikhaskan niat) dan *da'wah wa at-tabligh*.

Enam sifat terunggul sahabat ini sangat dititik beratkan dalam kegiatan dakwah ini. Berdasarkan pemerhatian penulis ada banyak pengajaran yang diperolehi oleh santri iaitu Pertama, Meyakini terhadap hakikat kalimah tayyibah. Yakni "La Ilha Ha Illallah, muhammadur rasulullah". Tiada tuhan selain Allah dan nabi Muhammad SAW itu pesuruh Allah SWT. Santri belajar bagaimana mengeluarkan kebesaran makhluk dalam hatinya, dan memasukkan kebesaran Allah SWT ke dalam hatinya. Santri juga diajar untuk mempercayai bahwasanya barang siapa yang ingin berjaya di dunia ini, caranya hanya dengan mentaati

perintah Allah SWT, dan mengikuti sunnah Nabi Muhammad SAW. *Kedua*; Meyakini terhadap hakikat solat khusyuk dan khudu'. Dimana santri itu hendaklah membawa ketaatan dalam solat ke luar solat. Di mana dalam solat merendahkan pandangan, di luar solat merendahkan pandangan. Dalam solat seseorang berzikir, di luar solat berzikir juga, kerana solat yang berkualiti ialah solat yang dapat mencegah seseorang itu daripada kemungkaran. *Ketiga*, Meyakini terhadap hakikat ilmu dan zikir. Ilmu bermaksud pengetahuan. Dengan ilmu, santri dapat membezakan mana satu perintah dan larangan Allah SWT. Zikir pula bererti mengingati Allah SWT. Santri diharapkan dapat mengingati Allah SWT di setiap waktu dan keadaan. *Keempat*, Meyakini terhadap hakikat ikram Muslimin. Bagaimana santri itu belajar menunaikan hak saudara seislamnya tanpa menuntut sebarang hak (mengharap balasan). Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda "*Seorang muslim itu saudara bagi muslim yang lainnya. Tidak boleh menzaliminya dan tidak boleh pula menyerahkannya kepada orang yang hendak menyakitinya. Barang siapa yang menunaikan hajat saudaranya, maka Allah akan menunaikan hajatnya. Barang siapa yang melapangkan kesusahan seorang muslim, nescaya Allah akan melapangkan kesusahan-kesusahannya di hari Kiamat dan barang siapa yang menutupi kesalahan seorang muslim, nescaya Allah akan menutupi kesalahannya kelak di Hari Kiamat*" (HR. Al-Bukhari No.2442). *Kelima*, Meyakini terhadap hakikat ikhlas niat iaitu melaksanakan segala perintah Allah SWT dan tinggalkan segala larangan Allah SWT semata-mata keranaNya. Seseorang itu hendaklah sentiasa memeriksa niatnya sebelum, semasa dan selepas beramal. Santri berlatih menjaga niatnya ketika beramal dan apabila kurang ikhlas, mereka dianjurkan untuk segera beristighfar dan perbetulkan niatnya semata-mata kerana Allah SWT. *Keenam*, Meyakini terhadap hakikat dakwah dan tabligh. Dakwah (mengajak) dan tabligh (menyampaikan) yakni memperbetulkan konsep bahwasanya diri dan harta bukan miliknya, tetapi Allah SWT telah membeli diri dan harta hambanya dengan syurga. Maka hendaklah dalam berdakwah itu sungguh-sungguh ikhlas dan menginfakkan diri dan hartanya ke jalan Allah SWT.

Berdasarkan kegiatan dakwah ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa para santri di Pesantren Al-Fatah ini memiliki pengalaman secara langsung terhadap pengamalan nilai-nilai sunnah Rasulullah SAW, di samping mereka kelihatan sangat memahami fungsi as-sunnah dengan menegakkan amal ma'ruf dan mencegah kemungkaran dalam kehidupan sehari-hari.

Peranan Kiai, Ustaz dan Ustazah

Dalam proses pembelajaran di pesantren, peranan Kiai sangat diperlukan. Dalam dunia pesantren khasnya di pulau jawa. Kiai merupakan gelar yang diberikan oleh masyarakat kepada seseorang yang memiliki pemahaman ilmu agama yang lebih tinggi. Kehidupan pesantren bergantung kepada kehadiran kiai kerana kewujudannya dalam pesantren adalah sebagai pengasas, pengelola, pengasuh, pemimpin, dan kadangkala pemilik pesantren. Itulah sebabnya banyak pesantren akhirnya bubar apabila Kiainya meninggal dunia dan tidak mempunyai anak yang boleh meneruskan usahanya. Begitu juga dengan pesantren Al-Fatah, Kiai menjadi teladan utama dalam pengamalan sunnah, selain itu beliau juga sebagai penggerak utama dalam menghidupkan amalan-amalan sunnah dalam kehidupan para santri di pesantren miliknya. Pada bab pengamalan sunnah-sunnah Rasulullah, kiai sangat mengambil berat perkara ini, hal ini tersirat didalam pernyataannya pada temu bual bersama penulis;

"..perkara-perkara sunnah itu penting Buktiunya ini diajarkan oleh Nabi, sunah itu kalau tidak dikerjakan tidak dosa tapi bukan berarti tidak rugi? Rugi...tapi tidak dosa. sekarang saya beri contoh. jika saya suruh milih ingin jadi orang miskin apa ingin jadi orang kaya? yo ingin jadi orang kaya, tuh miskin itu apa dosa? toh kalau kamu miskin apa dimasukkan penjara di Indonesia ini ? nggak kan? nggak apa-apa toh jadi miskin itu? lah agama ya begitu, walaupun tidak dosa meninggalkan sunnah itu..tapi kamu rugi kamu jadi orang miskin.." (IFMAN2)

Oleh itu, dalam peranannya terhadap pengamalan sunnah. kiai sentiasa memberi teladan dalam kehidupannya sehari-hari di pesantren, Seperti yang nyatakan oleh informan kedua:

"Jadi nilai kebaikan-kebaikan yang ada di Al-Fatah Temboro, memang sebelum-sebelumnya itu sudah dipraktekan dahulu oleh Romo Kiai, jadi kita mengikuti beliau. Seperti berkuda. Jadi beliau banyak sekali memberikan contoh ke santri, sehingga santri itu yang mengikuti apa yang beliau contohkan itu. Namun memang kebanyakan amaliyah-amaliyah kita kebaikan di al-Fatah memang rujukan kami contoh dari Kiai. Diberikan contoh ini, ini. Kamu praktikan yang ini lah. Selain itu seperti membaca-membaca zikir pagi petang. Romo Kiai sendiri sebelum-sebelumnya telah mempraktikkan, mengajak santri kumpul, ikut membaca. Ada juga latihan memanah, Itu Kiai langsung yang turun. Beliau juga sangat memberikan peluang untuk santri-santri, sehingga beliau sendiri mempersilahkan sebanyak 200an lebih kudanya untuk disewa oleh santri. Keluarga Kyai juga ada tim panahan khusus bagi memberi santri-santri motivasi untuk belajar sunah memanah." (IFMAN2)

Berdasarkan pernyataan informan kedua, penulis dapat menginterpretasikan data temu bual diatas menerusi peranan Kiai tersebut dalam mendidik santri untuk mengamalkan sunnah. *Pertama*, pernyataan beliau mengungkapkan bahawa nilai-nilai kebaikan yang diamalkan di Pesantren Al-Fatah Temboro telah menjadi warisan dari praktik-praktik sebelumnya yang dipraktikkan oleh Kiai. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan Kiai dalam membentuk suasana sunnah di pesantren. *Kedua*, peranan Kiai sebagai teladan (*role model*) bagi santri. Kerana dalam proses meniru, seseorang itu memerlukan seseorang yang ditiru dan diikuti. Oleh itu, dalam hal pengamalan sunnah ini Kiai selalu berperanan aktif dalam mempraktikkan nilai-nilai

sunnah dalam kehidupan sehari-hari. Seperti dalam kegiatan sunnah berkuda dan memanah. Dalam pengamalan sunnah berkuda dalam kalangan santri, Kiai memberikan kesempatan langsung kepada santrinya untuk mempelajari olahraga berkuda. Setidaknya ada sekitar 200 kuda yang pinjamkan kepada santri. Ketiga, Kiai juga berperanan dalam memberikan rujukan dan contoh konkret terkait dengan pengamalan zikir-zikir dan doa yang sesuai sunnah di Pesantren Al-Fatah Temboro. seperti zikir-zikir yang dibaca pagi dan petang. Kiai mengajak santri untuk berkumpul dan ikut membacanya. Daripada berbagai-bagai peranan Kiai yang terkait dengan hubungannya terhadap pengamalan sunnah telah menciptakan lingkungan yang mendukung dan memberikan inspirasi dan model bagi para santri. Daripada kenyataan dan pemerhatian yang dibuat oleh penulis di atas, situasi ini bersesuaian dengan dapatan penyelidikan yang dilakukan oleh Kearney dan Levine (2020) bahawa *role model* dapat membantu mempengaruhi motivasi individu seseorang untuk mencapai tujuan yang dimiliki serta juga mampu mempengaruhi fungsi kognitif dan strategi emosional seseorang. Oleh itu, ini menjadi bukti bahawa aspek ini menjadi sangat penting dalam proses pengamalan sunnah di pesantren Al-Fatah Temboro.

Selain itu, terdapat juga peranan Ustaz atau Ustazah, di mana kewujudan mereka juga memberikan sumbang yang cukup signifikan dalam penegakan amalan-amalan sunnah dalam kalangan santri. Selain ikut serta dalam peranan sebagai *role model* seperti yang dijelaskan di atas, mereka juga bertanggung jawab dalam memberikan pengajaran, penjelasan dan pendisiplinan terhadap pengamalan Sunnah dalam kalangan para santri. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh informan kedua berikut ini:

“..Kami sendiri disini untuk memaksa mereka untuk amal.. (IFMAN2)

..setiap aktiviti santri itu ada tim penggerak dan pengawas. Sejak dari tidur lagi, seperti tim tidur, mereka ini bertugas untuk menertibkan tidur mereka, bangun mereka dan makannya mereka. Santri disuruh tidur sesuai jadwal. Seperti siang hari, wajib tidur pukul 10 sampai pukul 12 Wajib tidur 2 jam. Untuk malam pukul 11 malam sampai pukul 3 malam. Pukul 3 malam wajib bangun, semuanya solat tahajud, semuanya wajib istighosah dan di pimpin oleh satu orang sampai pukul 3.30 pagi. Nanti baru persiapan Salat Subuh. Begitulah sistem dari kami Al-Fatah (IFMAN2)

..Karena memang nanti ada santri-santri yang tidak menggunakan sunnah, seperti berpakaian tidak syari. Pesantren ada timnya dari bahagian Tarbiyah untuk memberikan hukuman kepada mereka. Ketika mereka ada melanggar dalam urusan amal, kita ada hukuman untuk mereka. (IFMAN2)

Jadi, setiap 2 bulan sekali kita menguji keilmuan mereka. Dengan cara? Dengan cara, kalau bahasa sekolahnya semester lab. Jadi, dengan cara ujian tertulis untuk menilai dari segi pencapaian keilmuan mereka. Namun dari segi kualitas amal mereka, yaitu ya kami hanya bisa memberikan waktu-waktu jadwal-jadwal itu. Sehingga setiap santri kok bisa mengamalkan jadwal-jadwal yang sudah ditentukan. Artinya sudah dianggap mereka maksimal dalam mengamalkan ilmunya dengan jadwal yang sudah ada itu..” (IFMAN2)

Diantara yang dinilai itu adalah aspek kefahaman. Jadi apabila mereka mendapatkan nilai rata-rata kurang. Kalau kurang dari 50, Ya tidak naik kelas. Kemudian nanti juga ada dari sisi bukan hanya penilaian secara intelektual. Namun ada juga penilaian dari secara amalia. Penilaiannya dengan melihat ketertiban mereka di pondok pesantren.” (IFMAN2)

Suasana di Pesantren

Suasana pesantren juga merupakan strategi kunci yang turut menentukan keberhasilan dalam usaha pesantren Al-Fatah dalam meningkatkan pengamalan sunnah dalam kalangan santri. Hal ini dapat penulis analisis dari beberapa pernyataan informan kedua;

“..Memang kami melihat suasana yang sudah sunnah pondok ini... (IFMAN2)

...bahawa mereka ini terbentuk dengan suasana yang ada di pondok.. (IFMAN2)

...yang kami alami tapi memang secara praktik itu tersusana sehingga kita itu mudah” (IFMAN2)

Terdapat perkataan yang sentiasa diulang oleh Ustaz Ali dalam temu bual diatas menerusi konteks pengamalan sunnah di Pesantren Al-Fatah iaitu “suasana”. Berdasarkan analisis penulis, suasana yang dimaksudkan adalah persekitaran pesantren. Hal ini berdasarkan pada perkataannya “suasana yang ada di pondok”. Tentu ini berhubung dengan beberapa hal seperti keadaan kiai, guru, aktiviti harian santri dan masyarakat sekitar. Komponen-komponen inilah yang dirasainya dapat memberikan pengaruh positif kepada tahap pengamalan sunnah dalam kalangan santri. Hal ini selari dengan pandangan Hardiyanti (2011) bahawa manusia akan selalu di pengaruhi oleh persekitaran di mana tempat ia berada.

Berdasarkan pemerhatian penulis selama 1 minggu di lokasi Pesantren Al-Fatah, diantara komponen suasana yang paling berpengaruh terhadap pengamalan sunnah adalah peranan Kiai. Kewujudannya adalah sebagai model (*role modeling*) dan juga akar tunjang bagi proses pendidikan didalamnya. Ada banyak faktor mengapa Kiai menjadi kunci utama (*master key*) dalam pendidikan sunnah. Diantaranya kerana beliau adalah orang yang sangat dihormati, disegani dan disayangi sehingga perkataannya dan perbuatannya menjadi sorotan dan ikutan oleh ramai orang. Beliau bak *superstar* yang digemari dan diteladani. Perkataannya yang penuh hikmah menyuluh hati yang gelap, menerangi akal fikiran dan menambah pengetahuan. Sosoknya sangat karismatik, tegas dan amat penyayang sehingga santri di pesantren Al-Fatah dengan suka hati berkhidmat kepada beliau dan bahkan membantu melaksanakan beberapa pekerjaan yang ada di pesantren seperti mengurus kuda, mengurus koperasi, mengurus kedai dan kantin. Hampir seluruh pekerjaan itu di kerjakan oleh santri. Pemerksaan santri ini bukanlah satu kerja paksa yang dilakukan oleh Kiai, tetapi ia lebih kepada sukarelawan dari diri santri itu sendiri. Bahkan kebaikan Kiai pula, beliau tidak segan-segan membantu santri yang kurang mampu dengan membebaskan mereka dari kewajipan yuran belajar, makan dan minum selama mereka belajar di pesantren. Tidak hanya itu, santri juga diberi peluang untuk bekerja di pesantrennya selepas mereka tamat di pesantren, bahkan diberikan jodoh dan rumah tempat tinggal bagi yang sudah bersedia menikah secara percuma.

Demikianlah suasana yang meliputi pesantren Al-Fatah. Kewujudan kiai tidak hanya menjadi sumber ilmu pengetahuan santri tetapi juga seorang *idol*, sehingga mempermudah baginya dalam mengajak dan mempengaruhi para santri untuk sentiasa melakukan amalan sunnah. Selain itu beliau juga telah menjadi orang tua kedua santri yang sangat prihatin dengan kehidupan santrinya baik secara fizikal maupun rohani. Inilah diantara alasan yang disebutkan oleh ustaz Ali, mengapa suasana dalam hal ini kehidupan Kiai ini menjadi salah satu faktor kunci bagi kejayaan dalam proses pendidikan di pesantren yang dipimpinnya terutama dalam upaya pengamalan sunnah dalam kehidupan santri. Berdasarkan pemerhatian penulis di atas, dapat penulis simpulkan bahawa lakonan murni sehari-hari kiai di pesantren Al-Fatah dapat merubah landskap persekitaran kehidupan pesantren waktu demi waktu sehingga siapa pun yang masuk ke dalamnya sedikit demi sedikit ia akan berubah dengan sendirinya.

PERBINCANGAN

Penelitian ini memberikan gambaran mendalam tentang bagaimana pesantren Al-Fatah memahami dan mengimplementasikan konsep *Ittiba' As-Sunnah* dalam konteks pendidikan Islam. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa pesantren ini memiliki pendekatan yang komprehensif dalam mengamalkan konsep *Ittiba' As-Sunnah (Following the Sunnah)* di antaranya melalui kurikulum hadis, strategi dakwah, peranan kiai, dan guru serta suasana pesantren. Hal ini menjadi bukti bahawa kajian ini sangat relevan dengan tujuan kajian yang dilakukan. Kajian ini membantu menjelaskan bagaimana konsep ini diterapkan dalam kurikulum pesantren dan juga kehidupan sehari-hari santri.

Selain itu, kajian ini juga memberikan sumbangan yang signifikan dengan memberikan perspektif baru terkait pengamalan *ittiba as-sunnah* di pesantren. Namun jika dibandingkan dengan beberapa pandangan ulama terkait dengan *ittiba as-sunnah* seperti yang diutarakan oleh Rahendra Maya (2017) terdapat sedikit perbezaan daripada praktik yang ditemukan di Pesantren Al-Fatah. Meskipun demikian, kajian ini memberikan gambaran yang lebih khusus tentang bagaimana nilai-nilai *ittiba as-sunnah* diterapkan dan dihayati oleh santri melalui pemahaman yang mendalam dan peranan daripada kiai, ustaz, dan ustazah sehingga menciptakan kesinambungan dan lingkungan yang mendukung serta menginspirasi para santri untuk terus mengamalkan nilai-nilai sunnah.

Kajian ini memiliki implikasi praktikal yang signifikan bagi pesantren dan institusi pendidikan Islam lainnya. Temuan ini dapat menjadi pedoman bagi mereka dalam mengembangkan strategi dan program pendidikan yang lebih efektif untuk meningkatkan pengamalan *ittiba as-sunnah* di kalangan santri serta menambah pemahaman tentang peranan kiai dan ustaz-ustazah dalam memberi teladan dan nasihat bagi santri.

Di samping itu, penelitian ini membuka pintu bagi penelitian seterusnya dalam dua objek penelitian iaitu; Pertama, penelitian lebih mendalam dapat dilakukan untuk memahami lebih rinci bagaimana aspek-aspek spesifik seperti keyakinan, ucapan, dan amal perbuatan yang dicontohkan oleh Nabi SAW dapat diimplementasikan dalam praktik *ittiba' as-sunnah*. Kedua, penelitian perbandingan dapat dijalankan untuk mengidentifikasi perbezaan dan kesamaan praktik *ittiba' as-sunnah* di berbagai pesantren atau institusi pendidikan Islam. Penelitian ini mendorong penyelidikan seterusnya untuk terus meningkatkan pemahaman tentang peranan pendidikan Islam dalam membentuk karakter dan spiritualiti individu.

KESIMPULAN

Dalam penelitian mengenai pengamalan *Ittiba' al-Sunnah* di Pesantren Al-Fatah Temboro, dapat disimpulkan bahawa pesantren tersebut mengusung pendekatan komprehensif dalam mengenalkan dan mendorong praktik *Ittiba' al-Sunnah* di kalangan santri. Strategi-strategi yang diimplementasikan, antara lain melalui kurikulum hadis, strategi dakwah (*jama'ah tabligh*), teladan kiai, dan persekitaran pesantren. Kurikulum Hadis diimplementasikan dengan metode "*Al-Qiraat 'ala Al-Syaikh*" di

mana santri membaca hadis di depan guru setiap pagi dan petang. Mereka mempelajari kitab-kitab hadis secara berperingkat yang melibatkan pemahaman sunnah Rasulullah daripada peringkat dasar hingga peringkat lanjutan. Proses ini bertujuan agar santri dapat memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang terkandung dalam hadis secara progresif. Strategi dakwah, terutama melalui *jama'ah tabligh*, juga menjadi bagian penting dalam pengamalan sunnah di pesantren. Kegiatan dakwah ini, yang diorganisir oleh pesantren, memberikan contoh nyata pengamalan sunnah kepada santri. Proses dakwah dilakukan secara sistematis dan profesional, melibatkan kegiatan seperti keizinan, iktikaf di masjid, silaturahim atau *jaulah* dan penyampaian kandungan dasar dakwah. Selain itu, peranan Kiai juga sangat signifikan dalam membentuk persekitaran yang mendukung pengamalan sunnah di pesantren. Kiai bukan hanya sebagai pendiri dan pengelola pesantren, tetapi juga sebagai teladan utama dalam praktik sunnah. Kiai turut memberikan rujukan dan contoh nyata berhubungan pengamalan sunnah, seperti dalam kegiatan berkuda dan memanah. Selain Kiai, peranan Ustaz dan Ustazah juga berperan dalam memberikan pengajaran, penjelasan, dan pendisiplinan terhadap pengamalan sunnah di kalangan santri. Mereka aktif dalam menertibkan kegiatan harian santri, memberikan hukuman jika diperlukan, dan menguji pemahaman serta amalan sunnah melalui ujian tertulis dan penilaian *amaliah*. Suasana pesantren juga menjadi faktor kunci yang mempengaruhi pengamalan sunnah di pesantren Al-Fatah. Melalui lakonan Kiai, ustaz dan ustazah sehari-hari di pesantren telah merubah lingkungan kehidupan pesantren waktu demi waktu sehingga siapa pun yang masuk ke dalamnya sedikit demi sedikit akan berubah dengan sendirinya. Dengan demikian, Pesantren Al-Fatah Temboro berhasil menciptakan lingkungan yang mendukung dan mendorong pengamalan sunnah di kalangan santri melalui pendekatan komprehensif yang melibatkan berbagai strategi dan peran aktif daripada Kiai, ustaz, dan ustazah.

Research and Publication Ethics Statement

For the purpose of this study, data has been gathered with each respondent's prior consent to provide feedback. No names or other personally identifiable information is gathered, so no identities are disclosed in this paper. Based on the information gathered and the defined study objectives, an objective analysis has been made.

Contribution Rates of Authors to the Articles

All authors contributed to the preparation of this paper.

Conflict of Interest

The authors declare that they have no conflict of interest.

References

- Al-Ba'dānī, F. ibn 'Alī. (2001). *Ittibā' al-Nabī fī Dhau' al-Wahyāin*. Majallah al-Bayān.
- Al-Ghazali, A. H. (1980). *Ihya' Ulumuddin*. Jakarta : Menara Kudus.
- Al-Jazā'īrī, A. B. J. (2000). *Hādīqat al-Habib Muhammād Rāsūl Allāh.pdf*. Beirut: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Qasimi, M. J. (2005). *Qawa'id al-Tahdis' Min Funun Mushtalah al-Hadis*. Beirut; Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Awabien, M. R. (2020). Living hadis di kampung madinah, temboro, magetan. *Jurnal Living Hadis*, 5(1), 105–132.
- Faishal ibn 'Alī al-Ba'dānī. (2001). *Huqūq al-Nabi baina al-Ijlāl wa al-Ikhbāl*. Riyadh: Maktab Majallah al-Bayān.
- Hardiyanti, Y. (2011). Komponen-Komponen Pendidikan. *Makassar: Universitas Hasanuddin*.
- Ibn-Taimīya, A. I. A. H. (1982). *al-Istiqa'ma* (Issue v. 2). Ğāmi'at al-Imām Muḥammad Ibn-Su'ād al-Islāmīya.
- Katsir, A. A.-F. I. I. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Darul Fikr.
- Kearney, M. S., & Levine, P. B. (2020). Role models, mentors, and media influences. *The Future of Children*, 30(1), 83–106.
- Khalim, M. A., Zainol, N. Z. N., & Ahiar, M. H. (2023). Pendekatan Jemaah Tabligh dalam Penyebaran Dakwah Kepada Masyarakat Islam di Malaysia: Preaching Approach of the Tabligh Congregation for Muslim Community in Malaysia. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 5(1), 51–56.
- Khamim, K. (2018). Tradisi Menghafal Hadis Di Pesantren Al-Fatah, Temboro Karas Magetan (Analisis Fenomenologi). *UNIVERSUM: Jurnal KeIslamahan Dan Kebudayaan*, 12(2), 111–125.
- Manzur, I. (1997). *Lisan Al-Arab*. Dar Ihya Turath Arabiyah.
- Maya, R. (2017). Menuju Pendidikan Islam Berbasis Al-Ittibā'. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 2(04).
- Qurtubī, M. A. (1950). *Al-jam'i li-abkam al-Qur'an*. Dār al-Kitāb.
- Sayyid, M. ibn M. al-. (2002). *Anwā'uhu wa Atsāruhu fī Bayān al-Qur'ān: al-Ittibā' al-Mahmuud (al-Juz' al-Anwā')*. Riyadh: Maktab Majallah al-Bayān.
- Shāfi'i, M. ibn I. (1986). *Ar-Risalah*. Pustaka Firdaus.
- Syaukani, M. ibn A. (1414). *Iryyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min Ilm al-Ushul*. Beirut: Dar al- Kutub al-Ilmiyyah.
- Taylor, S. J., Bogdan, R., & DeVault, M. (2015). *Introduction to qualitative research methods: A guidebook and resource*. John Wiley & Sons.